

**B**ERIKUTAN pandemik Covid-19, aktiviti memasak di rumah telah menjadi norma baharu bagi kebanyakan keluarga.

Meskipun memasak merupakan aktiviti menyeronokkan, ketiduan idea dalam penyediaan makanan boleh membantut keseronokan aktiviti tersebut.

Menerusi hasrat memberi sokongan kepada suri rumah dan ibu bapa yang berkerjaya dalam cabaran harian mereka iaitu menyediakan makanan untuk seisi keluarga, Ajinomoto Malaysia mengambil inisiatif menambahkan laman resipi di laman sesawang mereka bagi menjadikannya lebih mesra pengguna dan berkongsi resipi menarik.

Paparan laman resipi ditambahbaik bagi meningkatkan pengalaman pengguna iaitu kaedah pengkategorian resipi lebih efisien dan fokus serta maklumat nutrisi padat.

Kaedah pengkategorian resipi baharu bertujuan memudahkan proses pencarian resipi yang diinginkan.

#### KHAS BUAT ANDA

Kategori ini diperkenalkan bagi memenuhi keperluan khusus kumpulan yang lebih spesifik seperti kanak-kanak, warga emas atau diet kurang sodium dan individu aktif.

Pengalaman meneroka laman resipi ini bertambah menarik apabila pengguna menemukan

## Ajinomoto tawar resipi khusus kepada pengguna



**INISIATIF diperkenalkan sebagai sebahagian daripada Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) bertujuan mendorong orang awam makan secara sihat.**

resipi baharu, menepati keperluan dan cita rasa.

Oleh kerana tabiat pemakanan adalah cerminan gaya hidup, Ajinomoto bekerjasama dengan para pakar nutrisi menghasilkan resipi khas buat para individu aktif memberikan panduan kesihatan dan maklumat nutrisi untuk set makanan

seimbang. Ia berlandaskan tiga tahap ketahanan iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

Resipi ber Kandungan sodium rendah boleh dimanfaatkan golongan warga emas dan seisi keluarga. Penggunaan Perencah Umami (MSG) istimewa Ajinomoto dapat mengurangkan kadar pengambilan sodium atau

garam, sambil mengekalkan keenakan setiap hidangan.

Bukan itu sahaja, resipi untuk kanak-kanak juga kaya dengan khasiat, enak dan menarik.

#### PERCAYA

Ajinomoto percaya dengan menggabungkan rasa Umami dalam hidangan makanan



**Ajinomoto Malaysia mengambil inisiatif menambahkan laman resipi di laman sesawang mereka bagi menjadikannya lebih mesra pengguna dan berkongsi resipi menarik."**

dapat mengurangkan beban para suri rumah dan ibu bapa tatkala memasak.

Menerusi lebih 200 resipi menarik, setiap orang dapat mencuba setiap hidangan, hanya dengan melayari <https://www.ajinomoto.com.my/recipes>. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) bagi mendorong orang awam untuk *Eat Well, Live Well* bersama Ajinomoto.